

**UCAPAN**  
**Y.BHG. PN. HAJAH ROSNANI IBARAHIM**  
**KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR**  
**Di**  
**MAJLIS PENUTUP DAN PENYAMPAIAN HADIAH**  
**PROGRAM "TOYOTA ECO-YOUTH"**  
**Pada**  
**19 SEPTEMBER 2003**  
**CLASSICS BALLROOM, HOLIDAY VILLA, SUBANG JAYA**

---

Yang Berbahagia Mr M.Sugiyama  
Timbalan Pengerusi UMW Toyota Motor

Yang Berbahagia Dato' Michael Lim  
Pengarah Urusan UMW Toyota Motor Sdn Bhd

Pegawai-Pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia  
dan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Malaysia,

Media Massa, Para Pengetua, Guru-guru, Pelajar-pelajar

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UMW Toyota Motor kerana menjemput saya untuk hadir dan merasmikan penutupan Program Toyota Eco Youth peringkat kebangsaan kali ketiga pada hari ini. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan

syabas dan tahniah kepada UMW Toyota Motor dan Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mengambil inisiatif dalam menganjurkan Program Toyota Eco Youth dengan jayanya.

Sesungguhnya sumbangan UMW Toyota Motor ini adalah sangat bermakna dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu dan masalah alam sekitar juga bagaimana mereka dapat melibatkan diri dalam program-program pengurusan alam sekitar yang sudah tentu dapat dimanfaatkan oleh semua pihak.

Apa yang diusahakan oleh UMW Toyota Motor Sdn Bhd melalui program alam sekitar ini adalah murni dan tepat pada masanya. Saya beranggapan usaha-usaha yang berbentuk pelengkap atau *complementary* seperti ini akan membantu Kerajaan di saat kita dibanjiri dengan pelbagai permasalahan dalam menangani isu-isu alam sekitar yang semakin rumit dan mencabar. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan usaha dari sektor swasta dalam menjalankan program dan aktiviti yang dapat menyumbang ke arah peningkatan kualiti alam sekitar.

Usaha-usaha yang dijalankan oleh UMW Toyota Motor melalui Program Toyota Eco Youth ini adalah selaras dengan misi Jabatan Alam Sekitar Malaysia yang sentiasa mengalakkan dan memastikan kelestarian pengurusan alam sekitar dalam proses pembangunan negara. Ianya jugajuga selaras dengan objektif Dasar Alam Sekitar Negara yang menumpukan usaha terhadap memastikan kelangsungan dan kemajuan ekonomi, sosial dan budaya negara sentiasa bergerak seiringan dengan usaha peningkatan mutu hidup rakyat Malaysia melalui pembangunan alam sekitar yang mempunyai ciri-ciri kelestarian atau sustainability. Melalui objektif ini, Kerajaan ingin melihat pencapaian alam sekitar yang bersih, selamat, sihat dan produktif bukan saja untuk generasi kini tetapi

juga generasi akan datang. Semua masyarakat dari pelbagai lapisan bertanggungjawab dan mempunyai peranan aktif dalam usaha mengekalkan warisan dan sumber alam yang pelbagai dan unik.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Pendidikan dan kesedaran terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar memerlukan pengetahuan, kefahaman, perubahan sikap dan penyertaan masyarakat. Perkara ini perlu dipupuk seawal mungkin kerana ia akan menjadi faktor penentu ke arah amalan cara hidup yang mesra alam pada masa akan datang. Satu cara yang berkesan untuk mempupuk kesedaran tentang alam sekitar adalah melalui institusi pendidikan terutamanya sekolah.

Dalam hal ini, Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Kementerian Pendidikan Malaysia baru-baru ini telah mencapai kata sepakat untuk memperkenalkan program "Sekolah Lestari- Anugerah Alam Sekitar". Program ini berkonsepkan pendekatan menyeluruh yang akan melibatkan semua lapisan warga sekolah bersama keluarga, komuniti setempat, kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan. Program Sekolah Lestari adalah payung kepada semua aktiviti alam sekitar anjuran pelbagai pihak yang sedang dan akan dilaksanakan di sekolah-sekolah. Dalam usaha pembentukan sekolah mesra alam yang layak bergelar sekolah lestari, tumpuan diberi kepada 4 komponen iaitu pengurusan, kurikulum, kokurikulum dan penghijauan. 4 komponen ini adalah landasan kepada pendidikan alam sekitar dalam menerapkan nilai-nilai murni alam sekitar secara berterusan bagi mewujudkan amalan hidup yang selaras dengan konsep pembangunan lestari.

Di sini saya ingin merakamkan terima kasih kepada UMW Toyota yang telah memberi komiment sumbangan RM10,000 setahun untuk menjayakan program Sekolah Lestari. Tindakan ini sewajarnya dicontohi oleh syarikat korporat yang lain.

*"I am indeed pleased to announce that UMW Toyota has pledged a sum of RM10,000.00 yearly to support the "Sekolah Lestari" programme. On behalf of DOE and steering committee, my heartfelt thanks to you, <sup>Mr. Sugiyama</sup> Dato' Micheal Lim ~~and Mr. M. Sugiyama~~. I hope other corporate bodies will also come forward to lend their support just like UMW Toyota. Maybe UMW Toyota as a leading car manufacturer in the world as well as a popular brand in Malaysia, would like to 'consider' increasing <sup>your</sup> ~~their~~ support based in <sup>your</sup> ~~their~~ volume of sales in the markets. Syabas dan terima kasih, once again to UMW Toyota".*

Saya yakin UMW Toyota Motor sudahpun mempunyai satu program yang mantap seperti yang dimanifestasikan dalam Program Eco Youth ini dan saya berasa bangga kerana UMW Toyota Motor telah mengambil langkah pro-aktif dengan melaksanakan aktiviti berkaitan alam sekitar yang menangani dan mencakupi segala macam jenis isu dan permasalahan alam sekitar di persekitaran sekolah.

Sehubungan itu, saya berasa gembira sekali dengan sambutan hangat yang diberikan oleh pihak sekolah terhadap Program Toyota Eco Youth ini, yang melibatkan para pelajar sebagai kumpulan sasaran dan bakal menjadi pemimpin generasi akan datang. Penglibatan 15 buah sekolah dari setiap negeri termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dalam Program Toyota Eco Youth ini menunjukkan keperihatinan sekolah-sekolah ini untuk melakukan sesuatu yang positif dalam memperbaiki kualiti alam

sekitar di kawasan sekolah mereka. Saya yakin dan percaya, para pelajar ini apabila mereka dewasa kelak, akan lebih bertanggungjawab kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dalam memastikan bumi terus terpelihara, harmoni dan sejahtera untuk didiami.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,  
para pelajar yang dikasihi sekalian,

Sekali lagi ingin saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UMW Toyota Motor Sdn Bhd kerana mengundang saya ke majlis penutup dan penyampaian Program Eco Youth <sup>Toyota</sup> peringkat kebangsaan pada tahun ini. Adalah menjadi harapan saya program seperti ini diteruskan dan dikekalkan pada masa akan datang kerana ia akan memberi harapan dan nafas baru kepada generasi muda untuk sama-sama membuat sumbangan yang bermakna dalam usaha memperbaiki mutu kehidupan manusia sejagat. Kepada pelajar-pelajar yang terlibat dalam Program Eco Youth ini, tahniah dan syabas saya ucapkan kerana telah menunjukkan hasil kerja yang membanggakan. Teruskan berusaha kerana anda semua adalah aset penting negara dalam membantu masyarakat menjaga dan meningkatkan kualiti alam sekitar.

Akhir kata, saya dengan segala hormatnya merasmikan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Program Toyota Eco Youth 2003 peringkat kebangsaan kali yang ketiga.

Sekian, Terima kasih.

5